

Karnival Sukan UPM 2019 lebih meriah

Serdang: Pusat Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) terus komited menganjurkan Karnival Sukan universiti itu yang masuk tahun kelima penganjurannya.

Lebih menarik tahun ini karnival itu disertai oleh pasukan Akademi Bola Sepak dari India dan wakil sepak takraw negara jiran, Indonesia.

Pengarah Pusat Sukan UPM, Dr Hanafiah Ayub, berkata UPM sentiasa bersedia menganjurkan pelbagai kejohanan membabitkan pelbagai jenis sukan menarik sama ada pada peringkat kebangsaan

atau antarabangsa.

Beliau berkata, inisiatif itu bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk menyertai kejohanan sukan yang lebih kompetitif.

Klinik memanah

"Penganjuran sukan seperti ini juga dilihat dapat membuka minda masyarakat mengenai kelebihan aktiviti bersukan di samping membudayakan gaya hidup sihat di segenap lapisan masyarakat di negara ini," katanya.

Karnival Sukan UPM 2019 adalah penganjuran kali

kelima dengan tujuh acara sukan dipertandingkan pada tahun ini.

Majlis perasmian Karnival Sukan UPM 2019 disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof Dr Roslan Sulaiman.

Antara sukan yang dipertandingkan adalah bola sepak bawah umur lapan, 10 dan 12 tahun; *dodgeball* terbuka, dart amatur; sepak takraw terbuka (pencarian bakat baharu); pingpong novis; E-Sports (FIFA) dan Petanque.



Hanafiah (enam dari kiri) bersama-sama sebuah daripada pasukan yang menyertai Karnival Sukan UPM 2019 baru-baru ini.